



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PROGRAM PEMBERIGAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUABELAS (RKN12):
JELAJAH DAERAH**

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengadakan program 'Jelajah Daerah' untuk pemberigian RKN12 ke daerah-daerah pada hari Sabtu, 18hb Oktober 2025 bertempat di *BIBD Connects, Labu Square*, Daerah Temburong. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Hassan Baha bin Haji Umar, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Jabatan Daerah Temburong. Turut hadir semasa program berkenaan ialah Penghulu Mukim Zon 1; Pemangku Penghulu Mukim Zon 2; Ketua-Ketua Kampung; Pemangku Ketua-Ketua Kampung; Ketua-Ketua Cawangan Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Temburong; Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung dan pihak swasta.
2. Program 'Jelajah Daerah' ini diadakan sebagai kesinambungan dari Majlis Pelancaran RKN12 yang telah diadakan pada Hari Rabu, 21hb Mei 2025 yang lalu dan merupakan satu inisiatif berterusan oleh Kementerian ini bagi memberigikan perancangan RKN12 yang menjadi landasan utama dalam menyediakan pembangunan asas bagi memudahkan dan mendukung ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. RKN12 juga memainkan peranan penting dalam memastikan keberhasilan yang berdaya tahan ke arah menyumbang kepada industri dan ekonomi; merangsang kedaya tahanan fiskal; membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan selaras dengan keperluan industri; dan seterusnya menyumbang kepada pengurusan dan perlindungan alam sekitar.
3. Dua (2) topik utama yang telah dibentangkan semasa program pemberigian tersebut adalah merangkumi topik-topik mengenai:
 - Rancangan Kemajuan Negara Keduabelas (RKN12)
 - Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) dan Insentif.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Rancangan Kemajuan Negara
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Email: rkn.sec@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/BRKN/PR/JELAJAH
Tarikh: 26 Rabiulakhir 1447H/ 18 Oktober 2025M



PRESS RELEASE
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

THE TWELFTH NATIONAL DEVELOPMENT PLAN (RKN12) SOCIALISATION PROGRAM:
JELAJAH DAERAH

1. Ministry of Finance and Economy (MOFE) in collaboration with the Temburong District Department, Ministry of Home Affairs held the 'Jelajah Daerah' to socialise The Twelfth National Development Plan (RKN12) on Saturday, 18th October 2025 at BIBD Connects, Labu Square, Temburong District. Present as the Guest of Honour for the ceremony was Awang Hassan Baha bin Haji Umar, Acting Temburong District Officer, Temburong District Department. Also present during the program were Penghulu and Acting Penghulu Mukim; Village Heads and Acting Village Head; Heads of Departments for Temburong District Government Branch; Members of the Village Consultative Council; and private sectors.
2. 'Jelajah Daerah' program was held as a continuation of the RKN12 Launching Ceremony which was launched on Wednesday, 21st May 2025 and is an ongoing initiative by this Ministry to inform about the RKN12 planning which is the main foundation in providing basic development to facilitate and support towards realizing the Brunei Vision 2035. RKN12 also plays an important role in ensuring sustainable outcomes towards contributing to the industry and economy; stimulating fiscal resilience; opening up job opportunities for local children in line with industry needs; and subsequently contributing to environmental management and protection.
3. The two (2) main topics that were presented during the presentation session include topics regarding:
 - Twelfth National Development Plan (RKN12)
 - Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) dan Incentives.

- END -

Prepared by:

National Development Plans Office
Ministry of Finance and Economy
Negara Brunei Darussalam
Email: rkn.sec@mofe.gov.bn

Reference: KKW/BRKN/PR/JELAJAH
Date: 26 Rabiulakhir 1447H/ 18 October 2025M